

MAHATHIR-EXPO

1980

KUALA LUMPUR, 30 NOV (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENDEDAHKAN AMALAN MEMBURUKKAN IMEJ NEGARA DAN KERAJAAN DENGAN MEMBERI MAKLUMAT PALSU KEPADA ORANG ISLAM DI NEGARA LAIN SERTA MENYURUH MEREKA MENGECEM KERAJAAN MALAYSIA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, PERBUATAN ITU MENGAKIBATKAN KERAJAAN MALAYSIA MENERIMA TALIGERAM-TALIGERAM DARI PUNCA YANG TIDAK MEMBERI ALAMAT DAN INI MENYEBABKAN HUBUNGAN BAIK YANG TELAH TERJALIN ANTARA NEGARA INI DENGAN DUNIA ISLAM RETAK.

BERUCAP MERASMIKAN EXPO PEMBANGUNAN ISLAM SEMPENA MENYAMBUT ABAD KE-15 HIJRAH DI STADIUM NEGARA DI SINI, BELIAU BERKATA PERBUATAN SEPERTI ITU ADALAH PUNCA KELEMAHAN ORANG ISLAM DAN NEGARA-NEGARA ISLAM HARI INI.

+SELAGI KITA TIDAK MAHU MENGAKUI HAKIKAT INI SELAMA ITULAH KITA
AKAN LEMAH DAN AKAN DIKUASAI OLEH ORANG LAIN,+ KATANYA.

168

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA ISLAM MELARANG UMATNYA
MEMBUAT FITNAH KERANA IA LEBIH MERBAHAYA DARI MEMBUNUH.

+TETAPI MENFITNAH SUDAH MENJADI AMALAN BAGI SEBAHAGIAN DARI
KITA SEMINGGA ADA YANG BERUSAHA MEMBURUK IMEJ NEGARA
DAN KERAJAAN SENDIRI DENGAN MEMBERI MAKLUMAT PALSU KEPADA
ORANG ISLAM LAIN,+ KATANYA. — BERSAMBUNG 1342/ZCM

B513:

MAHATHIR-EXPO 2 KUALA LUMPUR

KATANYA ORANG ISLAM BOLEH MENGATASI MASALAH SAMA SEPERTI
ORANG LAIN DALAM SERBA SERBI TETAPI +YANG MELEMAHKAN KITA IALAH
MEREKA DARI KITA YANG MEMBUAT TAFSIRAN YANG TERSENDIRI
KERANA MENGUTAMAKAN PENGARUH DAN KEPENTINGAN SENDIRIAN,
MEREKA YANG MENGANGGAP ISLAM TIDAK LEBIH DARI HUKUM KERAT TANGAN,
REJAM BATU DAN PANCUNG LEHER.+

BELIAU BERHARAP MEREKA YANG DATANG KE EXPO ITU MEMPUYAI
SEMANGAT KEISLAMAN YANG INGIN MELIHAT ISLAM MENCAPAI SEKALI
LAGI ZAMAN GEMILANG.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA EXPO ITU HANYA BERJAYA JIKA
SETELAH MELIHATNYA SESEORANG AKAN KEMBALI SEMULA KEPADA
AJARAN ISLAM YANG TELAH MENJADIKAN ISLAM SATU KUASA YANG
MENGHILANGKAN KEHELAPAN SERTA PENUH DENGAN ILMU DAN SIFAT-
SIFAT KESERDAHANAAN.

KATANYA UMAT ISLAM AKAN TERUS TERKONGKONG SELAGI MEREKA BER-
GANTUNG KEPADA PERTOLONGAN ORANG LAIN SETIAP KALI MEREKA
DISERANG.

+SELAGI KITA TIDAK DAPAT MEMBUAT SENJATA SENDIRI YANG SETANDING
DENGAN SENJATA MUSUH, SELAMA ITULAH KITA TERPAKSA MENGEMIS
PABILA KITA DIANCAM DAN MEREKA YANG MENOLONG KITA AKAN
MENGUASAI GERAK GERI KITA,+ TAMBAHNYA. — BERSAMBUNG

1344/ZCM

MAHATHIR-EXPO 3 KUALA LUMPUR

MENURUT TIMBALAN PERDANA MENTERI, KELEMAHAN UMAT ISLAM ADALAH DISEBABKAN MEREKA MENGENEPIKAN PERSAUDARAAN ISLAM DAN TIDAK MENGIKUT AJARAN ISLAM YANG MENYURUH UMATNYA BERPEGANG KEPADA TALI ALLAH DAN JANGAN BERCERAI-BERAI.

KATANYA UMAT ISLAM JUGA TELAH KETINGGALAN DALAM SEGI PENGUASAAN SEBAHAGIAN BESAR DARI PENGETAHUAN MANUSIA KERANA WALAUPUN ISLAM MENYURUH UMATNYA MENUNTUT ILMU TETAPI ADA PULA YANG MEMBAHAGIKAN ILMU KEPADA YANG SEKULAR DAN YANG TIDAK.

SEBANYAK 17 GERAJ MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM EXPO SELAMA DUA MINGGU ITU.

--BERMULA 1401/AN
MAHATHIR-EXPO 4 KUALA LUMPUR

TERDAHULU DARI ITU MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DATUK HAJI MOHAMED NASIR MENINGGATKAN UMAT ISLAM DI NEGARA INI BAHAWA KEJAHILAN ADALAH MERUPAKAN MUSUH MEREKA YANG PALING BESAR.

BELIAU BERKATA OLEH KERANA ITULAH ISLAM MEWAJIBKAN UMATNYA MENPELAJARI ILMU PENGATAHUAN DALAM SEMUA BIDANG DUNIA DAN AKHIRAT.

HANYA DENGAN PENGETAHUAN SAHAJALAH MANUSIA DAPAT MENGENAL TUHANNYA DENGAN LEBIH TEPAT DAN JUGA MENCAPAI KEMAJUAN, TAMBAH BELIAU..

BELIAU JUGA MENYERU UMAT ISLAM SUPAYA BEKERJASAMA DEMI PERPADUAN DAN PERDAMAIAN UMAT DAN MEMUJUDKAN HUBUNGAN YANG BUKUR DENGAN PARA ULAMAK.

DATUK HAJI MOHAMED NASIR JUGA MENYERU MANA-MANA KUMPULAN, PERTUMBUHAN DAN PERSATUAN SUPAYA JANGAN MENIMBULKAN KEKELIRUAN DALAM KEPERCAYAAN BERAGAMA SEMATA-MATA KERANA BERLAINAN FAKAMAN.

MENGENAI EXPO TERSEBUT, BELIAU BERKATA IA MERUPAKAN SALAH SATU KEGIATAN KE ARAH PERPADUAN. -- BERNAMA 1422/ZCM